

Newspaper	HARAKAH
Date	16 MARCH 2015

Ulangi krisis Mahathir-Musa Hitam

KUALA LUMPUR: Krisis yang berlaku dalaman Umno berikutan isu pengurusan kewangan syarikat pelaburan 1 Malaysia Development Berhad (IMDB) antara Presiden dan Timbalan Presiden Umno disifatkan mengulangi krisis yang berlaku antara Tun Dr Mahathir Mohamad dengan timbalannya, Tun Musa Hitam pada tahun 1987.

Ketua Pemuda PAS Malaysia, Suhaizan Kaiat berkata, krisis kepimpinan. antara Dato' Seri Najib Razak dengan timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin sudah hampir sama dengan krisis Mahathir-Musa yang membawa kepada perpecahan ketika itu (1987).

"Dalam isu IMDB Kenyataan Muhyiddin sudah berbeza dengan Najib. Sama seperti kenyataan Mahathir sudah berbeza dengan kenyataan Musa dalam isu Memali 1985. Jika krisis 1987 PM yang menang tetapi krisis tahun 2015 saya nampak TPM yang menang sebab Dr Mahathir dibelakang TPM.

"Ini suatu suasana yang sulit bagi Najib. Najib terpaksa bersendirian dalam isu besar seperti pembunuhan Altantuya Shaariibu dan IMDB. Saya jangka dalam waktu terdekat ada perubahan besar dalam politik negara," katanya kepada *Harakah* pada 10 Mac lalu.